



# NEWSLETTER

Disediakan Oleh:

**ZAINUDDIN AHMAD**  
Pengarah Kanan, BPP

## KAJIAN IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) KEPADA SEKTOR PERKHIDMATAN DI MALAYSIA

### 1 Pengenalan


#### A Sektor Perkhidmatan

**01** Sektor Perkhidmatan merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi; Ejen Hartanah; Pentadbiran dan Khidmat Sokongan dan Perkhidmatan Lain.

Di Malaysia, sektor Perkhidmatan adalah sektor ekonomi yang terbesar dengan sumbangan 56.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) atau **RM771.9 bilion** dalam tahun 2018.

**02**

Nilai Ditambah- KDNK 2018 (pada Harga Malar 2015)	RM bilion	Sumbangan Peratusan
Perdagangan borong & runcit	226.8	29.4%
Perkhidmatan kerajaan	45.5	5.9%
Utiliti dan & perkhidmatan lain	50.2	6.5%
Kewangan & insurans	79.1	10.2%
Maklumat & komunikasi	66.4	14.8%
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	22.9	13.4%
Pengangkutan & penyimpanan	20.2	8.2%
Makanan & minuman dan penginapan	43.3	11.6%
<b>Jumlah Sektor Perkhidmatan</b>	<b>771.9</b>	



#### B Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Sehingga 14 April 2020, penularan wabak COVID-19 telah melibatkan 184 negara di dunia dengan jumlah kes jangkitan seramai 1,925,981 dan kematian 119,823



Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penyebaran wabak ini. Sehingga 11 April 2020, kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 3 fasa PKP seperti berikut:



- Fasa 1: 18-31 Mac 2020
- Fasa 2: 1-14 April 2020
- Fasa 3: 15- 28 April 2020

Sepanjang tempoh PKP ini, hanya perkhidmatan perlu (essential) dibenarkan beroperasi. Penutupan sebahagian besar premis swasta ini telah memberi kesan kepada ekonomi negara. Semasa PKP fasa 1 & 2, **subsektor perkhidmatan yang beroperasi adalah Maklumat dan komunikasi, Pengangkutan dan penyimpanan, Kewangan, Kesihatan, Makanan & minuman dan penginapan, Perdagangan borong & runcit dan juga perkhidmatan utiliti.** Seterusnya bagi PKP fasa 3, kerajaan dalam penelitian menambah beberapa aktiviti ekonomi lagi untuk beroperasi.

**1**



Kajian ini dibuat untuk menganggar magnitud dan perubahan (jatuh/meningkat) "hasil" (revenue) kesan PKP ke atas Sektor Perkhidmatan dalam tempoh PKP bermula dari 18 Mac hingga 28 April 2020.

Dalam kajian ini, "hasil" merujuk kepada penerimaan yang diterima atau akan diterima untuk perkhidmatan yang diberikan dan transaksi lain yang dibuat. Ia terdiri daripada hasil operasi dan hasil bukan operasi.

## Kesan PKP terhadap Sektor Perkhidmatan

Segmen ini akan membincangkan kesan PKP terhadap Sektor Perkhidmatan di Malaysia dari aspek hasil sepanjang tempoh PKP bermula dari 18 Mac hingga 28 April 2020.

Dalam tempoh PKP, sektor Perkhidmatan dijangka menjana hasil sebanyak RM83.29 bilion iaitu penurunan 38.6% dari anggaran purata hasil sebulan. Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit dijangka mencatat hasil tertinggi berjumlah RM63.5 bilion, merosot 36.6%. Perdagangan Borong dijangka merekodkan hasil RM34.77 bilion dengan penurunan 28.2%, diikuti Perdagangan Runcit, RM27.76 bilion (-32.4%) dan Kenderaan Bermotor, RM0.97 bilion (-90.9%). Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan dijangka merekodkan hasil RM2.66 bilion (merosot 69.9%). Subsektor Pendidikan Swasta pula dijangka merekodkan hasil RM1.57 bilion (-2.4%). Walau bagaimanapun, subsektor Maklumat dan Komunikasi dijangka menjana hasil RM11.92 bilion, meningkat 2.0%, Keterangan bagi subsektor lain adalah seperti berikut:

### Subsektor Perdagangan Borong & Runcit

Jumlah hasil: RM63.5 bilion

- Hasil Perdagangan Borong: RM34.77 bilion (-28.2%)
- Hasil Perdagangan Runcit: RM27.76 bilion (-32.4%)
- Hasil Kenderaan Bermotor: RM0.97 bilion (-90.9%)

### Subsektor Pengangkutan & penyimpanan

Jumlah hasil: RM2.66 bilion

### Penginapan

Jumlah hasil: RM0.24 bilion

### Subsektor Hartanah (ejen hartanah)

Jumlah hasil: RM0.05 bilion

### Subsektor Pendidikan Swasta

Jumlah hasil: RM1.57 bilion

### Subsektor Maklumat & komunikasi

Jumlah hasil: RM11.92 bilion

### Subsektor Makanan & minuman

Jumlah hasil: RM 0.80 bilion -86.4%

### Profesional

Jumlah hasil: RM1.13 bilion -53.0%

### Subsektor Kesihatan swasta

Jumlah hasil: RM1.43 bilion

### Subsektor Kesenian, hiburan & rekreasi

Jumlah hasil: RM0.75 juta ->90%


-44.5%

Secara keseluruhan, magnitud kejatuhan hasil sektor Perkhidmatan dijangka merosot sebanyak 38.6 peratus dengan hasil yang dijana RM83.29 bilion dalam tempoh PKP.



## Pembahagian Peratusan Hasil

Daripada RM83.29 bilion jangkaan hasil semasa PKP dalam Sektor Perkhidmatan, subsektor Perdagangan Borong dan Runcit mencatat pembahagian peratusan (percentage share) tertinggi iaitu 76.2%, ini direkodkan oleh Perdagangan Borong sebanyak 41.7%, Perdagangan Runcit 33.3% dan Kenderaan Bermotor 1.2%. Peratusan kedua tertinggi dicatatkan oleh subsektor Maklumat dan Komunikasi iaitu 14.3%, diikuti Subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan 3.2%. Pembahagian peratusan subsektor yang lain seperti di bawah:



## Kesimpulan

Secara keseluruhan, semasa tempoh PKP dari 18 Mac 2020 hingga 28 April 2020, jangkaan nilai hasil bagi Sektor Perkhidmatan dianggarkan RM83.29 bilion, berkurangan 38.6 peratus dari purata hasil sebulan. Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit dijangka jatuh ketara 36.6%. Walau bagaimanapun, subsektor Maklumat dan Komunikasi dijangka meningkat sedikit sebanyak 2.0%.

**PENAFIAN:** Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

